



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING PENDAFTAR

---

Bilangan 15 Tahun 2017

**MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN  
BILANGAN 12 TAHUN 2016  
PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI  
PERGIGIAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016 mengenai pindaan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian.

**LATAR BELAKANG**

2. Lembaga Pengarah Universiti Ke-157 bertarikh 14 Mac 2017 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016 yang dikeluarkan bagi melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang sedang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 mengenai Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM).

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN**

3. Selaras dengan keputusan Kerajaan, skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:

- a. Skim perkhidmatan Pegawai Perubatan ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred Pakar UD55/56; dan

- b. Skim perkhidmatan Pegawai Pergigian ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred Pakar UG56.
4. Skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang baharu adalah seperti di Lampiran A dan B. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) yang baharu adalah seperti di Lampiran C dan D.

#### **URUSAN PERJAWATAN**

5. Pegawai Perubatan Gred UD53/54 dan Pegawai Pergigian Gred UG54 yang diberikan kenaikan pangkat masing-masing ke Gred Pakar UD55/56 atau Gred Pakar UG56, dilaksanakan di atas jawatan sedia ada secara fleksi bagi tujuan pengekalan kepakaran.
6. Dari segi struktur perjawatan, pewujudan jawatan di Gred Pakar UD55/56 dan Gred Pakar UG56 hendaklah masing-masing difleksikan dengan sekurang-kurangnya satu gred sebelumnya. Hal ini bagi mengelakkan Gred Pakar UD55/56 atau Gred Pakar UG56 dianggap sebagai tambahan hierarki baharu. Gred fleksi adalah seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Gred Fleksi Bagi Perjawatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian**

Gred Gleksi Sedia Ada	Tambahan Gred Fleksi Baharu
<u>Pakar Perubatan</u>  Gred UD51/52/UD53/54 Gred UD47/48/UD51/52/UD53/54	Gred UD53/54/Pakar UD55/56; atau Gred UD51/52/UD53/54/Pakar UD55/56; atau Gred UD47/48/UD51/52/UD53/54/ Pakar UD55/56

Gred Gleksi Sedia Ada	Tambahan Gred Fleksi Baharu
<u>Pakar Pergigian</u>  Gred UG54 Gred UG48/UG52/UG54	Gred UG54/Pakar UG56; atau Gred UG48/UG52/UG54/Pakar UG56

## ELAUN DAN KEMUDAHAN

7. Pindaan ini juga melibatkan penetapan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Bayaran Insentif Pakar (BIP) bagi Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 dan Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56.
8. Senarai elaun dan kemudahan bagi Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 dan Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 adalah seperti di Lampiran E.

## PELAKSANAAN

9. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini.
10. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

## PEMBATALAN

11. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

## TARIKH DIKELUARKAN

12. Pekeliling dikeluarkan pada 22 Mei 2017.

## TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017.




AZIDA AZMI  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan  
Semua Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil.15/2017)



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2016**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERUBATAN DAN  
SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERGIGIAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang sedang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN**

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan, skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Pegawai Perubatan ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred Pakar UD55/56; dan
  - (b) skim perkhidmatan Pegawai Pergigian ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred Pakar UG56.
3. Skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **B**. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) yang baharu adalah seperti di **Lampiran C** dan **D**.

## **URUSAN PERJAWATAN**

4. Pegawai Perubatan Gred UD53/54 dan Pegawai Pergigian Gred UG54 yang diberikan kenaikan pangkat masing-masing ke Gred Pakar UD55/56 atau Gred Pakar UG56, dilaksanakan di atas jawatan sedia ada secara fleksi bagi tujuan pengekalan kepakaran.
5. Dari segi struktur perjawatan, pewujudan jawatan di Gred Pakar UD55/56 dan Gred Pakar UG56 hendaklah masing-masing difleksikan dengan sekurang-kurangnya satu gred sebelumnya. Hal ini bagi mengelakkan Gred Pakar UD55/56 atau Gred Pakar UG56 dianggap sebagai tambahan hierarki baharu. Gred fleksi adalah seperti **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1: Gred Fleksi Bagi Perjawatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian**

<b>Gred Fleksi Sedia Ada</b>	<b>Tambahan Gred Fleksi Baharu</b>
<u><b>Pakar Perubatan</b></u>  Gred UD51/52/UD53/54 Gred UD47/48/UD51/52/UD53/54	Gred UD53/54/Pakar UD55/56; atau Gred UD51/52/UD53/54/Pakar UD55/56; atau Gred UD47/48/UD51/52/UD53/54/Pakar UD55/56

Gred Fleksi Sedia Ada	Tambahan Gred Fleksi Baharu
<u>Pakar Pergigian</u>  Gred UG54 Gred UG48/UG52/UG54	Gred UG54/Pakar UG56; atau Gred UG48/UG52/UG54/Pakar UG56

## ELAUN DAN KEMUDAHAN

6. Pindaan ini juga melibatkan penetapan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Bayaran Insentif Pakar (BIP) bagi Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 dan Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56.
7. Senarai elaun dan kemudahan bagi Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 dan Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 adalah seperti di **Lampiran E**.

## PELAKSANAAN

8. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini.
9. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

## **TARIKH KUAT KUASA**

10. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2017**.

## **PEMBATALAN**

11. Dengan berkuat kuasanya pekelaying perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

21 Disember 2016

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERUBATAN

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN**

: **PERUBATAN DAN KESIHATAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN**

: **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**GRED JAWATAN/GAJI**

: **UD41, UD43/44, UD47/48, UD51/52, UD53/54, Pakar UD55/56**

**TARIKH KUAT KUASA**

: **1 JANUARI 2017**

#### **SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred UD41: RM2,947.00); atau
  - (ii) calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred UD41: RM2,947.00).

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **LANTIKAN TERUS KE GRED UD43, UD47, UD51, UD53 ATAU PAKAR UD55**

3. Calon bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD43, UD47, UD51, UD53 atau Pakar UD55 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a), 1(b), 1(c) dan 2; dan
- (b) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred UD43: RM3,611.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD47: RM5,211.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD51: RM5,860.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD53: RM6,182.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred Pakar UD55: RM6,504.00).

#### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

#### **TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED UD44**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED UD48**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED UD52**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED UD54**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- memenuhi tempoh percubaan;
  - hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan;
  - mengemukakan salinan sijil pendaftaran penuh; dan
  - diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Pegawai Perubatan Gred UD41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD44 yang kosong apabila telah:
- disahkan dalam perkhidmatan;
  - mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pegawai Perubatan Gred UD43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD48 yang kosong apabila telah:
- disahkan dalam perkhidmatan;
  - mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Pegawai Perubatan Gred UD47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD52 yang kosong apabila telah:
- disahkan dalam perkhidmatan;
  - mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Pegawai Perubatan Gred UD51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD54 yang kosong apabila telah:
- disahkan dalam perkhidmatan;
  - mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED PAKAR UD56**

15. Pegawai Perubatan Gred UD53/54 yang diwartakan pakar sahaja adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred Pakar UD56 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
16. (a) Pegawai Perubatan Gred UD53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi tanpa melalui Gred Pakar UD55/56; atau  
(b) Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membataalkan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

## LAMPIRAN B

### SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERGIGIAN

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN**

: **PERUBATAN DAN KESIHATAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN**

: **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**GRED JAWATAN/GAJI**

: **UG41, UG44, UG48, UG52, UG54, Pakar UG56**

**TARIKH KUAT KUASA**

: **1 JANUARI 2017**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) ijazah dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred UG41: RM2,844.00).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred UG41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED UG44**

10. Pegawai Pergigian Gred UG41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred UG44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED UG48**

11. Pegawai Pergigian Gred UG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred UG48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED UG52**

12. Pegawai Pergigian Gred UG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred UG52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED UG54**

13. Pegawai Pergigian Gred UG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred UG54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED PAKAR UG56**

14. Pegawai Pergigian Gred UG54 yang diwartakan pakar sahaja adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN PENGURUSAN  
TERTINGGI**

15. (a) Pegawai Pergigian Gred UG54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi tanpa melalui Gred Pakar UG56; atau
- (b) Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekelingiling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

LAMPIRAN C

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM  
BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2017**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM (RM SEBULAN)	GAJI MAKSIMUM (RM SEBULAN)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN (RM)	CATATAN
SSM401UD56000	UD56	6,504.00	14,063.00	400.00	Hanya terpakai kepada Pakar Perubatan
SSM401UD55000	UD55	6,504.00	14,063.00	400.00	
SSM401UD54000	UD54	6,182.00	13,256.00	320.00	
SSM401UD53000	UD53	6,182.00	13,256.00	320.00	
SSM401UD52000	UD52	5,860.00	12,449.00	290.00	
SSM401UD51000	UD51	5,860.00	12,449.00	290.00	
SSM401UD48000	UD48	5,211.00	11,769.00	270.00	
SSM401UD47000	UD47	5,211.00	11,769.00	270.00	
SSM401UD44000	UD44	3,611.00	10,560.00	250.00	
SSM401UD43000	UD43	3,611.00	10,560.00	250.00	
SSM401UD41000	UD41	2,947.00	9,656.00	225.00	

**LAMPIRAN D**

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM  
BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2017**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM (RM SEBULAN)	GAJI MAKSIMUM (RM SEBULAN)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN (RM)	CATATAN
SSM401UG56000	UG56	6,504.00	14,063.00	400.00	Hanya terpakai kepada Pakar Pergigian
SSM401UG54000	UG54	6,182.00	13,256.00	320.00	
SSM401UG52000	UG52	5,860.00	12,449.00	290.00	
SSM401UG48000	UG48	5,211.00	11,769.00	270.00	
SSM401UG44000	UG44	3,611.00	10,560.00	250.00	
SSM401UG41000	UG41	2,844.00	9,656.00	225.00	

**SENARAI ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI  
PEGAWAI PERUBATAN GRED PAKAR UD55/56 DAN  
PEGAWAI PERGIGIAN GRED PAKAR UG56**

**A. ELAUN**

Bil.	Perkara	Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 (RM)	Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 (RM)
<b>IMBUHAN TETAP</b>			
1.	Imbuhan Tetap Perumahan	1,100.00 sebulan	1,100.00 sebulan
2.	Imbuhan Tetap Keraian	2,100.00 sebulan	2,100.00 sebulan
<b>BAYARAN INSENTIF</b>			
3.	Bayaran Insentif Pakar	3,000.00 sebulan	3,000.00 sebulan
4.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	750.00 sebulan	750.00 sebulan
5.	Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/Pergigian Di Fasiliti Kesihatan Di Sabah dan Sarawak	Bandar	1,100.00 sebulan
		Luar bandar	1,600.00 sebulan
6.	Bantuan Sara Hidup	Kawasan A	300.00 sebulan
		Kawasan B	250.00 sebulan
		Kawasan C	150.00 sebulan
7.	Bayaran Insentif Wilayah	12.5% daripada gaji yang diterima sebulan	12.5% daripada gaji yang diterima sebulan
8.	Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat	80.00 sejam	-
9.	Bayaran Insentif Pembedahan Elektif	200.00 sejam	-
10.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Doktor Udara (Perudara)	Satu penerbangan pergi dan balik dalam sehari	30.00
		Satu penerbangan pergi dan balik yang melibatkan hari berlainan	30.00
		Dalam sehari melibatkan lebih daripada satu penerbangan	Jumlah bayaran mengikut bilangan penerbangan pergi dan balik

Bil.	Perkara	Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 (RM)	Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 (RM)	
11.	Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa	Panggilan Aktif ( <i>active Call</i> ): Bertugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam secara berterusan	Hari bekerja 230.00 semalam Hari cuti mingguan dan hari cuti am 250.00 semalam	230.00 semalam 250.00 semalam
		Panggilan Pasif ( <i>Passive Call</i> ): Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas melebihi 4 jam	Hari bekerja 150.00 semalam	150.00 semalam
			Hari cuti mingguan dan hari cuti am 160.00 semalam	160.00 semalam
		Panggilan Pasif ( <i>Passive Call</i> ): Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas kurang daripada 4 jam atau tidak dipanggil bertugas	Hari bekerja 100.00 semalam	100.00 semalam
			Hari cuti mingguan dan hari cuti am 105.00 semalam	105.00 semalam
		<b>KL/Putrajaya</b>		
12.	Elaun Perumahan Wilayah	Semua Kawasan	1,100.00 sebulan	1,100.00 sebulan
		<b>Selangor</b>		
		Petaling Jaya	1,100.00 sebulan	1,100.00 sebulan
		Subang Jaya	1,100.00 sebulan	1,100.00 sebulan
		Shah Alam	1,100.00 sebulan	1,100.00 sebulan
		Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
		<b>Pulau Pinang</b>		
		Pulau Pinang	1,100.00 sebulan	1,100.00 sebulan
		Seberang Perai	900.00 sebulan	900.00 sebulan

Bil.	Perkara	Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 (RM)	Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 (RM)
	<b>Johor</b>		
	Johor Bahru	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kulaijaya	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Perak</b>		
	Ipoh	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Negeri Sembilan</b>		
	Bandar Seremban	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Melaka</b>		
	Bandar Melaka	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Kedah</b>		
	Langkawi	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Alor Setar	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Sg. Petani	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Perlis</b>		
	Kangar	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Pahang</b>		
	Kuantan	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Terengganu</b>		
	Kuala Terengganu	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Dungun	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Kelantan</b>		
	Kota Bharu	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	<b>Sabah</b>		
	Kota Kinabalu	1300.00 sebulan	1300.00 sebulan
	Sandakan	1250.00 sebulan	1250.00 sebulan
	Kawasan lain	1200.00 sebulan	1200.00 sebulan
	<b>Labuan</b>		
	Labuan	1300.00 sebulan	1300.00 sebulan
	<b>Sarawak</b>		
	Kuching	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Miri	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Bintulu	900.00 sebulan	900.00 sebulan
	Kawasan lain	900.00 sebulan	900.00 sebulan

## B. KEMUDAHAN

### 1. Cuti Rehat

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan	Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan
Sebelum 1 September 2005	30 hari	35 hari
Mulai 1 September 2005 Hingga 31 Disember 2008	30 hari	30 hari
Mulai 1 Januari 2009	25 hari	25 hari

### 2. Kelayakan Wad

Perkara	Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56	Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56
Kelayakan Wad	Kelas 1 Bilik Seorang	Kelas 1 Bilik Seorang

### 3. Kelas Rumah Kerajaan

Perkara	Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56	Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56
Rumah Kerajaan	C/B (B-sekiranya ada kekosongan)	C/B (B-sekiranya ada kekosongan)

#### Catatan:

Pemakaian elaun dan kemudahan di atas adalah tertakluk kepada peraturan semasa sebagaimana ditetapkan mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran/surat pelaksanaan serta pindaan dari semasa ke semasa.